



**JABATAN PELESENAN  
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

# **GARIS PANDUAN**

**PERMOHONAN  
LESEN IKLAN LUAR**

**JABATAN PELESENAN  
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN  
JALAN AIR PUTIH  
24000 KEMAMAN TERENGGANU**

**TEL: 09-8597700 / 7777 Faks:09-8595455**

**EMEL: [mpk@mpkemaman.gov.my](mailto:mpk@mpkemaman.gov.my)**

**LAMAN SESAWANG: [www.mpk,terengganu.gov.my](http://www.mpk,terengganu.gov.my)**

**TERBITAN 15 OGOS 2023 (BIL.1/2023)**

## 1. PENGENALAN

### 1.1 OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon Lesen Iklan Luar bagi memastikan proses permohonan pemasangan, pelesenan dan kawalan papan iklan adalah seragam dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kemaman Kemaman (MPK).



### 1.2 OBJEKTIF PELESENAN

Memastikan Lesen Iklan Luar yang dipamerkan di dalam kawasan Pentadbiran Majlis mempunyai permit yang sah dan mematuhi syarat-syarat permit yang ditetapkan merujuk kepada Undang-undang Kecil ( Iklan ) Majlis Daerah Kemaman 1983 termasuk kandungan bahasa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

### 1.3 SKOP PELESENAN

Pihak Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) tidak menetapkan saiz bagi Lesen Iklan Luar yang dibuat. Saiz Lesen Iklan Luar yang dipohon adalah bergantung kepada pemohon sendiri.

Jenis-jenis Lesen Iklan Luar yang terdapt di Majlis Perbandaran Kemaman adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Definisi	Contoh
i	'Free-Standing Billboard'	Paparan iklan bagi barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang disokong oleh tiang. Kategori ini boleh dipecahkan mengikut saiz iaitu besar sederhana dan kecil. <i>Billboard</i> bersaiz besar kebanyakannya di dalam bentuk Menara Iklan Setiang atau <i>Unipole</i> yang ditempatkan di atas satu tiang keluli yang tinggi	
ii	Iklan Dinding	Panel untuk paparan iklan yang dipasang pada dinding atau pada satu jarak dari dinding atau iklan yang dilukis pada dinding di sebelah luar bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka	

iii	Iklan Bumbung	Paparan iklan yang dipasang pada bumbung bangunan.	
iv	Iklan Pagar	Paparan iklan yang dipasang pada pagar sementara untuk tujuan keselamatan semasa pelaksanaan sesuatu projek binaan atau bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik.	
v	Iklan Elektronik	Dibangunkan dengan paparan digital. Kaedah ini berfungsi sebagai sebuah peti televisyen yang menyiarkan visual bergerak bagi tujuan pengiklanan.	
vi	Iklan Kain Rentang (Poster)	Paparan iklan pada kain rentang yang dipasang pada suatu kerangka/bingkai.	

### 1.3 ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti pengiklanan Papan Iklan Luar yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) iaitu:

- i. Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Kemaman 1983.
- ii. Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar.

### 1.4 PEMBEKUAN LESEN

Garis panduan ini terpakai bagi semua jenis aktiviti pengiklanan dalam menjual makanan/minuman atau barangan **KECUALI** :

Bil	Aktiviti Pelesenan	Tarikh Pembekuan
i	Iklan di jejantas atau jambatan	1 Januari 2009

## 2. KEPERLUAN PEMATUHAN

### 2.1 IKLAN YANG DILARANG

Mengikut Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Kemaman 1983 dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar, **iklan yang berikut adalah dilarang daripada didirikan atau dipamerkan melainkan jika iklan itu diluluskan oleh Majlis :-**

Bil	Iklan Yang Dilarang
i.	Iklan luar yang menghalang atau mengganggu pandangan pengguna jalan raya terhadap papan tanda lalu lintas (traffic sign) dan peralatan kawalan lalulintas ( <i>traffic control devices</i> ).
ii.	Iklan luar yang menghalang jarak pemandangan pemandu kenderaan.
iii.	Iklan luar yang mengganggu perhatian pemandu kenderaan dan boleh mendatangkan kekeliruan dengan menggunakan perkataan seperti 'berhenti', 'bahaya' atau apa-apa perkataan, simbol atau warna yang menyerupai mana-mana kandungan papan tanda atau alat kawalan lalulintas yang boleh mengelirukan pengguna jalan raya.
iv.	Iklan luar yang melindungi kebekesanan operasi alat kawalan keselamatan CCTV bagi pengawalan jenayah.
v.	Struktur papan iklan luar yang menghalang laluan awam dan boleh menggugat keselamatan pejalan kaki.
vi.	Pemasangan papan iklan luar yang mendatangkan bahaya kepada orang awam dan harta benda dari risiko keruntuhan.
vii.	Pemasangan papan iklan luar berlampu yang menyilaukan pandangan dan bercahaya ke tahap yang boleh menghadkan penglihatan pengguna jalanraya dan menjejaskan keberkesanan peralatan kawalan lalulintas khusus pada waktu malam. ( Kelulusan tahap pencahayaan hendaklah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Jalan / PBT ).

viii.	Iklan Luar yang menghalang laluan kecemasan semasa kebakaran atau cara-cara untuk menuju ke laluan tersebut serta yang menutup cermin dan tingkat bangunan.
<b>Bil</b>	<b>Iklan Yang Dilarang</b>
ix.	Iklan Luar tidak boleh dipaut atau disekalikan dengan papan tanda lalu lintas dan isyarat yang menyebabkan kekeliruan terhadap pengguna jalanraya.
x.	Iklan luar tidak dibenarkan ditempatkan di dalam rezab sesuatu infrastruktur (rezab rentis elektrik, rezab sungai dan lain-lain) tanpa mendapat kelulusan agensi berkenaan.
xi.	Iklan Luar tidak dibenarkan dilaluan protokol yang boleh menjejaskan garisan langit ( <i>skyline</i> ) dan rupa bentuk bandar bandar ( <i>urban form</i> ) .
xii.	Iklan luar yang berorientasikan kenderaan bergerak laju ( <i>freeway oriented</i> ) tidak dibenarkan didalam kawasan zon warisan, zon estetik semulajadi dan koridor <i>scenic</i> bagi memelihara sumber ekonomi dan aktiviti pelancongan.
xiii.	Iklan Luar yang melindungi bangunan warisan serta bangunan yang mempunyai nilai senibina.
xiv.	Iklan Luar melindungi bangunan berkepentingan seperti berikut iaitu tempat ibadat, kompleks/bangunan awan seperti muzium, balai polis, hospital, sekolah dan sebagainya. Bangunan utama seperti istana/ rumah kediaman pembesar negeri. Bangunan mercu tanda ( <i>landmark</i> ) bagi sesuatu kawasan.
xv.	Iklan luar di dalam bulatan jalan dan <i>road island</i> untuk mengutamakan aktiviti landskap / pengindahan bandar.
xvi.	Dimana-mana persimpangan supaya tidak menjejaskan keberkesanan peralatan kawalan lalulintas serta melindungi pelbagai jenis papan tanda lalu lintas/ jalan yang boleh mengelirukan dan membahayakan pengguna jalan raya.
xvii.	Tidak dibenarkan paparan kosong pada papan iklan pada bila-bila masa bagi mengelak pencemaran pandangan.

xviii.	Iklan yang sudah luput tarikh atau tidak lagi berkaitan dengan perkembangan semasa.
xix.	Menghalang laluan awam dan menggugat keselesaan. Contoh menghalang laluan pejalan kaki.
<b>Bil</b>	<b>Iklan Yang Dilarang</b>
xx.	Iklan yang menyilaukan pandangan dan bercahaya ke tahap yang boleh menimbulkan kacau ganggu serta ketidakselesaan kepada penghuni-penghuni kediaman.
xxi.	Tidak boleh menyekat atau menghalang pandangan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mana-mana papan iklan kepunyaan pihak lain yang dipasang secara sah sebelumnya.
xxii.	Apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarang oleh Majlis daripada didirikan atau dipamerkan di dalam kawasanya dari semasa ke semasa.
xxiii.	Model yang digunakan pada papan iklan hendaklah menutup aurat dan sopan.

## 2.2 KAWASAN LARANGAN IKLAN

Mengikut Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Kemaman 1983 dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar, tiada sesuatu iklan yang boleh didirikan, dipamerkan menyebabkan ia didirikan atau dipamerkan di tempat kecuali mendapat kelulusan Majlis:-

<b>Bil</b>	<b>Iklan Yang Dilarang</b>
i	Di atas mana-mana jejantas atau jambatan.

### 2.3 SYARAT PEMATUHAN AM

- i. Menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama.
- ii. Tulisan bahasa lain boleh digunakan bersekali dengan Bahasa Melayu. Namun begitu, bahasa melayu hendaklah lebih menonjol daripada bahasa lain.
- iii. Tulisan jawi di tempatkan paling atas dalam visual.
- iv. Mengadakan logo Majlis Perbandaran Kemaman beserta nombor rujukanpelesenan (*cth : MPK/BP/xx/xx/xx*) di bahagian bawah - kanan iklan.
- v. Sekiranya terdapat visual manusia, hendaklah dengan keadaan menutup aurat dan sopan.
- vi. Mematuhi lain-lain syarat yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Kemaman dari semasa ke semasa sekiranya perlu. Pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan tindakan kompaun dan permit dibatalkan serta merta.
- vii. Memastikan keselamatan struktur iklan dengan diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang arkitek yang berdaftar atau seorang jurutera struktur.
- viii. Semua iklan hendaklah disenggarakan dalam keadaan yang baik, bersih dan memuaskan pada setiap masa.

### 3. KAEDAH PERMOHONAN

#### 3.1 CARA PERMOHONAN

Muat turun borang dengan cara mengisi dan mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Lesen ([elesen.mpkemaman.gov.my](http://elesen.mpkemaman.gov.my)) bersama dokumen lampiran yang diperlukan dengan memuatnaik kedalam sistem yang sama.

Mengisi dan mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Lesen ([elesen.mpkemaman.gov.my](http://elesen.mpkemaman.gov.my)) bersama dokumen lampiran yang diperlukan dengan memuatnaik kedalam sistem yang sama.

Kaunter Pelesenan  
Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman,  
24000 Kemaman, Terengganu.

Waktu Operasi Kaunter:  
Ahad - Rabu  
8.00 pagi – 4.30 petang  
Khamis  
8.00 pagi – 2.30 petang

No.Tel: 09-8597700/ 7777  
Faks: 09-8595455  
E-mel : [mpk@kemaman.gov.my](mailto:mpk@kemaman.gov.my)  
Web : [www.mpk.terengganu.gov.my](http://www.mpk.terengganu.gov.my)



### 3.2 BORANG PERMOHONAN DAN KEPERLUAN DOKUMEN SOKONGAN

3.1.1 Borang permohonan boleh dimuat turun pada pautan link berikut :- [elesen.mpkemaman.gov.my](https://elesen.mpkemaman.gov.my). (Lampiran 1)

3.1.2 Contoh senarai semak Permohonan Lesen Papan Iklan Luar dan Borang Permohonan Lesen Papan Iklan Luar. (Lampiran 2)

### 3.3 SYARAT ASAS PERMOHONAN

Bil.	Syarat Asas Permohonan
i.	Warganegara Malaysia, pemilik tanah, bangunan atau struktur iklan dipamerkan.
ii.	Organisasi, firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, perbadanan atau organisasi lain yang didaftarkan mengikut Akta berkaitan.
iii.	Mengisi dan mengemukakan permohonan melalui sistem e-Lesen (eLesen.mpkemaman.gov.my) bersama dokumen asas permohonan sebagaimana di (3.2).

### 3.4 SYARAT ASAS SELEPAS PERMOHONAN


Bil.	Syarat Asas Selepas Permohonan
i.	Menggunakan tulisan jawi di bahagian atas papan iklan.
ii.	Meletakkan logo MPK di sudut bawah sebelah kanan.
iii.	Meletakkan perkataan MPK/BP No. Kelulusan lesen di bawah logo MPK.
iv.	Membayar kadar lesen mengikut kelulusan.

v.	Sebarang pertukaran visual hendaklah dimaklumkan kepada pihak MPK.
vi.	Penurunan/penghapusan iklan selepas tamat tempoh iklan oleh pihak pemohon.
vii.	Mematuhi lain-lain syarat yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dari semasa ke semasa sekiranya perlu.
viii.	Sebarang pelanggaran yang dinyatakan boleh dikenakan tindakan kompaun dan permit dibatalkan dengan serta merta.

### 3.4 DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
i.	Kad Pengenalan Pemohon.	Satu (1) salinan
ii.	Pendaftaran Perniagaan (SSM).	Satu (1) salinan
iii.	Pelan Lokasi (Kaunter Perancangan Pembangunan MPK) & Gambar Tapak.	Satu (1) salinan
iv.	Pengesahan Pelan Struktur (Jurutera Awam Bertauliah).	Satu (1) salinan
v.	Surat Kelulusan Struktur (Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan MPK).	Satu (1) salinan
vi.	Surat Sokongan Koperasi Pegawai – Pegawai Tadbir Negeri Terengganu.	Satu (1) salinan
vii.	Surat Kebenaran dari Pejabat Tanah – melibatkan tanah kerajaan.	Satu (1) salinan
viii.	Polisi Insuran.	Satu (1) salinan
ix.	Visual Iklan & Pengesahan Bahasa (DBP).	Satu (1) salinan

#### 4. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN IKLAN PAPAN TANDA LUAR (BILLBOARD)



#### 4.1 PIAGAM PELANGGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Piagam Pelanggan	Tempoh
Tempoh proses permohonan Lesen Iklan diberikan keputusan	30 hari permohonan lengkap diterima.



## 5. PEMBAHARUAN

### 5.1 KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN

PEMBAHARUAN LESEN	TEMPOH BAYARAN	DOKUMEN & FI	PIAGAM PELANGGAN
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembaharuan boleh dibuat di kaunter Pelesenan Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman / Pejabat Cawangan MPK Kerteh</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Januari sehingga Februari setiap tahun</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengemukakan lesen iklan semasa</li><li>• Fi pembaharuan mengikut kadar lesen semasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap</li></ul>



## 5.2 FI PEMBAYARAN LESEN

### 5.2.1 FI PAPAN IKLAN.

BIL	BUTIRAN	AMAUN (RM)
1.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) < 9 MPS	25.00
2.	PAPAN IKLAN (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 9 MPS	50.00
3.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) MENGANJUR KELUAR < 3 MPS	15.00
4.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) MENGANJUR KELUAR < 9 MPS	45.00
5.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) MENGANJUR KELUAR < 2 MPS X 2 PERMUKAAN	40.00
6.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) MENGANJUR KELUAR < 3 MPS X 2 PERMUKAAN	60.00
7.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) MENGANJUR KELUAR < 9 MPS X 2 PERMUKAAN	180.00
8.	PAPAN IKLAN (BERSINAR DAN JAWI) MENGANJUR KELUAR < 10 MPS X 2 PERMUKAAN	200.00
9.	PAPAN IKLAN (TAK BERSINAR) MENGANJUR KELUAR < 3 MPS	15.00
10.	PAPAN IKLAN (TAK BERSINAR) MENGANJUR KELUAR < 9 MPS	45.00
11.	PAPAN IKLAN (TAK BERSINAR) MENGANJUR KELUAR < 3 MPS X 2 PERMUKAAN	30.00
12.	PAPAN IKLAN (TAK BERSINAR) MENGANJUR KELUAR < 9 MPS X 2 PERMUKAAN	90.00
13.	PAPAN IKLAN/TANDA DI BUMBUNG (BERSINAR DAN JAWI) < 9 MPS	10.00
14.	PAPAN IKLAN/TANDA DI BUMBUNG (BERSINAR DAN JAWI) < 10 MPS	11.00
15.	PAPAN IKLAN/TANDA DI BUMBUNG (BERSINAR DAN JAWI) < 11 MPS	12.00
16.	PAPAN IKLAN TEPI JALAN (BILLBOARD) < 9 MPS	25.00
17.	PAPAN IKLAN TEPI JALAN (BILLBOARD) < 20 MPS	52.50
18.	PAPAN IKLAN TEPI JALAN (BILLBOARD) < 30 MPS	77.50
19.	PAPAN IKLAN TEPI JALAN (BILLBOARD) < 40 MPS	102.50
20.	PAPAN IKLAN TEPI JALAN (BILLBOARD) < 50 MPS	127.50
21.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (BERSINAR DAN JAWI) < 9 MPS	50.00
22.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (BERSINAR DAN JAWI) < 10 MPS	55.00
23.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (BERSINAR DAN JAWI) < 20 MPS	105.00
24.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (BERSINAR DAN JAWI) < 30 MPS	155.00
25.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (BERSINAR DAN JAWI) < 40 MPS	205.00
26.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (BERSINAR DAN JAWI) < 50 MPS	255.00
27.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 9 MPS	50.00
28.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 10 MPS	55.00
29.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 20 MPS	105.00

BIL	BUTIRAN	AMAUN (RM)
30.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 30 MPS	155.00
31.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 40 MPS	205.00
32.	PAPAN IKLAN KAWASAN LAPANG (TAK BERSINAR DAN JAWI) < 50 MPS	255.00
33.	PERMIT SEMENTARA BILLBOARD	600.00
34.	PERMIT SEMENTARA PAPAN IKLAN	50.00

### 5.2.2 FI PELBAGAI

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH	BAYARAN
1.	Wang Proses	50.00	Tunai/ Kad kredit/Debit/Cek / Pos	Selepas permohonan diluluskan

### 5.3 KEPUTUSAN KELULUSAN PERMOHONAN LESEN IKLAN PAPAN TANDA LUAR (BILLBOARD)


Output	Lesen Iklan Luar
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pengeluaran surat kelulusan lesen (pengambilan di Pejabat Jabatan Pelesenan atau pos).</li> <li>2) Panggilan telefon kepada pemohon.</li> </ol>

## 6. PEMBATALAN

### 6.1 PEMBATALAN LESEN

PEMBATALAN LESEN	DOKUMEN & FI	PIAGAM PELANGGAN
<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Menghantar borang permohonan batal lesen</li><li>➤ Melalui surat permohonan secara rasmi ke Jabatan Pelesenan MPK.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Mengemukakan lesen iklan semasa / salinan pendua lesen semasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap</li></ul>

### 6.2 CARTA ALIR PEMBATALAN LESEN IKLAN





# LAMPIRAN 1

## BORANG PERMOHONAN



Majlis Perbandaran Kemaman, 24000 Kemaman, Terengganu  
Tel: 09-8597777, 09-8597700 Fax: 09-8595455

Borang Permohonan

No. Permohonan # / / /

1. Maklumat Pemohon			
Nama	:	No. K/P	:
Alamat	:	Bangsa	:
No. Tel. Bimbit	:		
2. Maklumat Premis			
Nama Syarikat	:	No. Daftar Syarikat	:
Alamat	:	Luas Lantai Premis	:
No Telefon Pejabat / Rumah	:	No Fax	:
Status Tanah	:	No Ruj Kelulusan	:
Syarat Tanah	:	Perjanjian Sewa Tanah	:
Jenis Bangunan	:	Nyatakan	:
Status Bangunan	:	Nyatakan	:
Kelulusan Bangunan	:	No CFO/CCC	:

Jenis Aktiviti			
Bil	Jenis Perniagaan	Aktiviti	Amaun (RM)
1			
2			
3			
JUMLAH			RM

## LAMPIRAN 2

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN PAPAN IKLAN

SENARAI SEMAK		Memaparkan 1-6 daripada 6 items		
Tambah Senarai Semak		All		
#	Perkara	Keterangan	Muat Naik	Tindakan
1	SALINAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM) / DAFTAR SYARIKAT (MAA)		✓	🔍
2	SALINAN PERJANJIAN SEWA PREMIS / SURAT KEBENARAN SALINAN GERAN TANAH YANG DISAHKAN / SALINAN DAN SURAT KEBENARAN MENGGUNAKAN KENDERAAN		✓	🔍
3	PELAN LOKASI PREMIS ( BOLEH DIDAPATI DI KAUNTER JABATAN PERANCANGAN )		✓	🔍
4	2 KEPING GAMBAR DALAM DAN LUAR PREMIS / KENDERAAN YANG DIGUNAKAN.		✓	🔍
5	LAKARAN / VISUAL PAPAN IKLAN YANG AKAN DIPAMER MENGGUNAKAN DEWAN BAHASA & PUSTAKA		✓	🔍
6	1 KEPING SALINAN KAD PENGENALAN PEMOHON		✓	🔍

